

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN.

Al-Quran merupakan perlembagaan hidup manusia yang mengandungi panduan dalam menjalani semua aspek kehidupan sama ada politik, ekonomi atau sosial. Al-Quran diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W untuk disampaikan kepada manusia dan menyeru mereka ke jalan kebenaran.

Al-Quran menggunakan pelbagai gaya bahasa dan pendekatan dalam menyeru insan mengikut ilmu dan tahap pengetahuan yang dimiliki oleh mereka. Hal ini menjadikan mereka terpengaruh kepada ajarannya dan tunduk mengabdikan diri kepada Penciptanya.

Antara gaya bahasa atau *uslūb* yang digunakan al-Quran untuk menyampaikan berita atau menceritakan kisahnya ialah *uslūb khabarī*. *Uslūb* ini terdiri daripada pelbagai jenis, masing-masing mempunyai tujuan dan hikmah yang tersendiri di sebalik zahir ayat. Penyelidikan ini akan menganalisis *uslūb -uslūb khabarī* yang terdapat dalam surah Yasin, seterusnya menerangkan tujuan sebenar penggunaan *uslūb* tersebut.

1.2. LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Penurunan al-Quran kepada manusia sejagat merupakan satu rahmat yang paling besar bagi manusia kerana al-Quran adalah panduan hidup mereka. Ia mengandungi pelbagai pedoman untuk kehidupan mereka. Mereka dituntut untuk membaca, mengkaji dan memahami isi kandungannya supaya mereka boleh menjadikannya sebagai rujukan asas dalam menjalani kehidupan seharian. Firman Allah:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبَيِّنًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى
لِّلْمُسْلِمِينَ¹

Maksudnya: Dan Kami turunkan kepada kamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan bagi orang-orang Islam.²

Boleh dikatakan sebilangan besar umat Islam tahu membaca al-Quran, tetapi tidak ramai di kalangan mereka yang dapat memahami isi kandungannya. Ramai juga yang membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat, ketika berlaku musibah atau kematian, namun tidak ramai yang memahaminya.

Surah Yasin adalah salah satu surah daripada surah-surah yang terdapat dalam al-Quran. Fadhilat dan kelebihannya amat besar. Ia telah dibincang oleh ramai ulama' Tafsir dalam pelbagai bidang penafsiran. Dalam surah Yasin dibincangkan tentang mensucikan Allah, sifat-sifat yang mustahil bagi Allah, bukti-bukti hari kebangkitan, Syurga, Neraka dan lain-lain lagi. Ia juga turut mengingatkan insan bahawa anggota badan mereka akan menjadi saksi pada hari kiamat atas segala perbuatan mereka di dunia.

¹ Surah al-Nahl (16) ayat 89

² Lihat Syeikh Abdullah Basemaih (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, c10. Percetakan Yayasan Islam Terengganu, h. 656.

1.3. PENGERTIAN TAJUK

Untuk menjelaskan pengertian tajuk, penulis mengemukakan beberapa perkataan berkaitan tajuk yang diambil, untuk menjelaskan lagi maksud tajuk yang dipilih sebagaimana berikut:

i. Penggunaan

Guna membawa erti manfaat atau faedah manakala penggunaan memberi maksud menggunakan sesuatu¹

ii. *Uslūb*

Uslūb adalah istilah bahasa Arab yang diertikan dalam bahasa Inggeris *sebagai way, course, manner, style, methode, lenght*². Dalam bahasa Arab, *أُسْلُوبٌ جَ اسَالِيْبٌ* *uslūb* adalah kata *jama*³ (جَمْعٌ). *Uslūb* dalam bahasa Arab memberi maksud cara penulisan seseorang penulis dalam penulisan atau karangannya, sebagaimana kata-kata pepatah Arab :

لِكُلِّ أَدِيْبٍ أُسْلُوبُهُ الْخَاصُّ فِي الْكِتَابَةِ
maksudnya setiap sasterawan itu mempunyai cara penulisan yang tertentu⁴.

Dalam kamus Dewan, perkataan *uslūb* memberi makna gaya atau stail penulisan⁵

¹ Ibid, h 489

² F steingass (1979) *Arabic-English Dictionary*, Lahore: Manzoor printing Press, h. 43

³ Kata *jama* ialah perkataan yang memberi maksud lebih daripada 2 benda *أسلوب* adalah satu cara, manakala *أساليب* adalah cara-cara, lihat: Jamā'ah Min Kibār al-Lughawiyiyyin al-'Arab, (2003), *al-Mu`jam al-'Arabī al-Asāsī*, Tunisia: Muassasah Lārūs al-'Alamiyyah, h.633

⁴ Jamā'ah Min Kibār al-Lughawiyiyyin al-'Arab, (2003), Ibid

⁵ Osman Haji Khalid (2006), *Kamus besar Arab-Melayu :al-Mu`jam al-'Arabi al-Malayuwi al-kabīr*, c1 Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h 1162

Uslūb al-Quran adalah tidak sama dengan cara penulisan manusia kerana ia bukan ciptaan manusia, bahkan ia adalah ciptaan Allah, kalaulah al-Quran direka oleh manusia tentu ia akan terdapat persamaan dengan tulisan mereka, tetapi *uslūb* di dalam al-Quran jelas tidak sama dengan mana-mana tulisan sejak dari penurunannya sehingga sekarang, dan ini telah diakui sendiri oleh ahli Balaghah Arab bahawa gaya bahasa dalam al-Quran berbeza dengan gaya bahasa mereka.¹

iii. Khabar

Perkataan *Khabar* membawa maksud laporan tentang sesuatu kejadian, bercerita, memberitahu, memaklumkan sesuatu kepada orang lain². *Khabar* juga diertikan sebagai ungkapan yang mungkin benar atau dusta³

Khabarī yang dimaksudkan dalam kajian ini berasal daripada perkataan *خَبْرٌ* atau *khabar* yang dinasabkan kepada *yā' nisbah*⁴. Mengikut ahli Balaghah *uslūb khabarī* ialah ayat-ayat atau *kalām*⁵ yang disampaikan kepada pendengar, sama ada *kalām* itu benar atau tidak. *Uslūb khabarī* terbahagi kepada 3 jenis, iaitu *ḍorbon ibtida'ī*, *ḍorbon ṭalabi* dan *ḍorbon inkārī*. Ketiga-tiganya digunakan untuk pendengar yang berlainan dan pada situasi yang berbeza.⁶

¹ Mustafa Ṣadiq al-Rāfi'ī (1988), *I'jaz al-Qur'ān wa al-Balāghah al-Nabawiyah*, c1 Beirut: Maktabat al-Tijāriyyah al-Kubrā, h 230

² Noresah Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Edisi ke 4, Selangor: Dawama Sdn Bhd, h.780

³ Osman Haji Khalid (2006) op. cit h 565

⁴ Ialah *yā'* bersabdu (يَ) yang dimasukkan di penghujung perkataan untuk dinisbahkan kepada perkataan tersebut, perkataan yang telah dimasukkan *ya' nisbah* boleh *dii'rabkan* sebagai sifat (صِفَةٌ) kepada perkataan sebelumnya, dan hukum perkataan tersebut mesti mengikut *مَوْصُوفٌ* dari aspek jantina (مَذَكَّرٌ), bilangan (مُفْرَدٌ مُنْتَنِي جَمْعٌ), khas dan am (نَكْرَةٌ مَعْرِفَةٌ). Dengan itu, tajuk ini penulis menggunakan istilah *uslūb khabarī*, (أُسْلُوبُ خَبْرِي) kerana perkataan pertama adalah am dan perkataan kedua mesti digunakan dalam bentuk am juga, lihat: Muhammad Abdullah Jamaluddin bin Hishām al-Ansārī (1988), *Sharh Qatr Al-Nadā Wa Ball Al-Ṣadā*, Beirut, Dār al-Jil, h 296

⁵ Selepas ini penulis akan menyebutkannya sama ada dalam istilah ayat *khabarī* atau *kalām khabarī* kerana kedua-duanya memberi maksud yang sama dengan *uslūb khabarī*

⁶ Faḍl Hasan 'Abbas (tt), *Al-Balāghah Funūnuhā Wa Afnānuhā*, Omān: Dār Al-Furqān h 113

iv. Al-Quran

Maksud al-Quran terbahagi kepada dua iaitu bahasa dan istilah, dari segi bahasa maksudnya bacaan. Al-Quran pada istilah sebagaimana diterangkan Dalam Mu'jam al-Asāsī¹ ialah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W, majoriti ayatnya diturunkan di Mekah dan sebahagiannya diturunkan di Madinah, terdiri daripada 114 surah dalam 30 juzuk. Manakala dalam kitab Mabāhith fī Ulūm al-Qur'ān memberi maksud al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa Arab. Al-Quran ditulis dalam mashaf yang dipindahkan dari satu jenersi ke satu generasi secara mutawatir dan mendapat pahala bagi sesiapa yang membacanya, Ia dimulakan dengan surah al-Fātīhah dan berakhir dengan surah al-Nās.²

Dalam buku Ulum al-Quran³ menerangkan bahawa ia merupakan pengakhir bagi segala kitab dan diturunkan kepada rasul yang terakhir, pembawa agama yang menyeluruh bagi sekalian alam, dan merupakan perlembagaan agung yang merangkumi segala panduan untuk menunjuk jalan kebenaran kepada manusia sejagat. Lafaz al-Quran dibincangkan oleh para ulama', mereka mengatakan lafaz al-Quran berasal daripada perkataan قَرَأَ يَفْرَأُ فُرَاءً قُرْآنًا yang memberi maksud جَمَعَ (himpun), lafaz ini digunakan untuk *kalām* yang diturunkan kepada junjungan besar nabi Muhammad S.A.W iaitu al-Quran⁴

¹ Jamā'ah Min Kibār al-Lughawiyīn al-'Arab, (2003), op cit, h 975

² Mannā' Khalīl al-Qattān (1981), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c2 Riyād: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nasyr wa al-Tauzī', h 17

³ Muhammad Abd al-'Azīm al-Zarqānī (1367), *Manāhij al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j 1, c 1. Beirut: Dār al-Kutub al-Arabī, h 10.

⁴ Muhammad al-Zafzaf (1979), *al-Ta'rif bi al-Qur'ān wa al-Hadīth*, c3 (TP): Maktabah al-Falāh, h 13

1.4. SOALAN KAJIAN

Melalui penyelidikan ini, penulis telah meletakkan persoalan penting untuk mendapatkan jawapan dan keterangan terhadap apa yang dikaji, antaranya ialah: apakah kepentingan dan keperluan memahami al-Quran, apakah maksud yang tersirat di dalam ayat-ayat al-Quran, apakah faktor yang menyebabkan masyarakat atau penuntut bidang pengajian Islam tidak dapat memahami al-Quran melainkan melalui terjemahan dan penafsirannya, apakah cara yang paling berkesan untuk membantu mereka dalam memahami ayat al-Quran. Selain itu persoalan mengenai teknik dan cara untuk memikat pendengar khususnya semasa berdakwah turut menjadi persoalan dalam kajian ini.

Penulis cuba menyelesaikan persoalan itu dengan menerangkan pengertian di sebalik ayat-ayat al-Quran melalui ayat *khbarī* dalam surah Yasin dan mencadangkan beberapa langkah untuk memahami al-Quran, mengesyorkan supaya dijadikan *uslūb khbarī* sebagaimana dipaparkan di dalam al-Quran sebagai contoh dalam menggunakan bahasa sebagai médium untuk berdakwah. Penulis juga menyarankan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya mengambil tindakan proaktif untuk mempertingkatkan kefahaman terhadap wahyu yang suci ini

1.5 SEBAB PEMILIHAN TAJUK.

Tajuk penyelidikan ini ialah “ *Penggunaan Uslūb Khabarī* Dalam Al-Quran: Kajian terhadap surah Yasin. Penulis memilih tajuk ini disebabkan tiga faktor utama iaitu:

Pertama: Faktor al-Quran, kerana penulis ingin mengkaji lebih mendalam tentang lafaz dan pengertian ayat-ayat al-Quran, memandangkan ia adalah kitab samawi yang diturunkan kepada manusia sejagat. Penggunaan perkataan-perkataan tertentu dengan tujuan di sebalik maksud zahir ayat amat menggalakkan penulis untuk mengetahui dengan lebih mendalam.

Kedua: Faktor surah Yasin itu sendiri yang disebut oleh sebahagian ulama’ sebagai jantung kepada segala surah yang terdapat di dalam al-Quran. Penulisan dan kajian terperinci tentang pengertian ayat tentu akan menarik lebih ramai pengamal al-Quran untuk membaca dan memahami isi kandungannya, kerana pembacaan yang berulang kali mahupun hafazan semata-mata kemungkinan tidak mendorong individu untuk mengamalkan ajaran al-Quran tanpa memahami isi kandungannya dengan sebenar-benar kefahaman.

ketiga: Minat yang mendalam terhadap aspek kesusasteraan Arab dan peradaban serta ilmu Balaghahnya menyebabkan penulis memilih untuk menyelidik tentang keindahan bahasa al-Quran yang tidak mampu dilakukan oleh mana-mana makhluk. Untuk mengetahui keindahan bahasa al-Quran pasti memerlukan kajian yang mendalam terhadap aspek Balaghah yang terdapat di dalam ayat-ayatnya.

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk mencapai sasaran kajian yang telah digariskan, penulis telah meletakkan beberapa objektif kajian. Antara objektif kajian ini ialah untuk:

- i. Menjelaskan beberapa persoalan penting yang terdapat dalam surah Yasin seperti kepentingan surah Yasin, sebab penurunan ayat, pengertian serta pembacaan huruf *hijāiyyah* pada awal surah dan intisari surah Yasin
- ii. Mengenalpasti penggunaan *uslūb khabarī* dalam al-Quran
- iii. Menganalisis *uslūb khabarī* dalam surah Yasin dan tujuan penggunaan *uslūb* tersebut.

1.7. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting dilakukan kerana ia akan membantu pembaca dalam perkara-perkara berikut:

- i. Pembaca akan dapat memahami intisari dan kandungan ayat-ayat dalam surah Yasin dengan lebih jelas.
- ii. Pembaca dapat memahami ilmu Balaghah khususnya ilmu al-Ma'āni dengan lebih mendalam.
- iii. Mengetahui rahsia penyampaian dakwah dengan pelbagai bentuk gaya bahasa.
- iv. Memahami rahsia penggunaan *uslūb khabarī* dalam al-Quran terutamanya dalam surah Yasin.

- v. Mendorong ke arah menghayati pengertian ayat-ayat al-Quran.
- vi. Memahami hikmah penggunaan huruf-huruf *taukīd* di dalam ayat-ayat al-Quran.
- vii Mengetahui cara paling berkesan dalam berdakwah dan menyeru manusia mengikut tahap keilmuan dan tahap pendidikan mereka.

1.8. SKOP KAJIAN

Kajian ini difokuskan kepada surah Yasin, di mana tumpuan utama akan diberikan kepada ayat-ayat yang berbentuk *uslūb khabarī*, sama ada ayat yang berbentuk *ibtidā'ī*, *ṭalabī* atau *inkārī*. Penyusunan ayat dalam bentuk tersebut serta partikel-partikel yang digunakan untuk pembentukan *uslūb khabarī*. Penulis menganalisis ayat-ayat dalam bentuk tersebut serta memberikan tujuan penggunaan ayat dan pengertiannya dalam bentuk tersebut.

Walau bagaimanapun perkara-perkara penting yang terdapat dalam surah Yasin turut dibincangkan seperti fadhilat surah Yasin, pengenalannya, kepentingan surah ini serta intisari surah. Aspek bahasa yang lain turut diberi perhatian seperti pembacaan huruf di awal surah, pengertian huruf tersebut serta *i'rāb* atau kedudukannya dalam ayat.

1.9. KAJIAN LITERATUR

Kajian terhadap *uslūb* al-Quran telah mendapat perhatian dari ramai penulis di Malaysia dan luar negara, apatah lagi tentang *balāghah* al-Quran, antara kajian yang telah dilakukan ialah seperti apa yang dikaji oleh Abd. Halim Brahim (1997)¹ tentang ilmu al-Ma‘ānī dalam kajiannya pada peringkat sarjana, beliau telah mengkaji tentang jenis-jenis ayat penyata atau *uslūb khabarī* dari segi balaghah dalam bahasa Arab, beliau hanya membincangkannya secara umum dan tidak memberi fokus kepada mana-mana surah dalam al-Quran.

Siti Ikbāl shekh Salleh dalam tesis PhD (1999),² beliau juga telah membuat kajian tentang ilmu al-Ma‘ānī, beliau memfokuskan kepada *uslūb insyā’i* yang terdapat dalam surah al-Nūr. Beliau juga tumpukan kepada sejarah perkembangan kesusasteraan Arab dan pertumbuhan ilmu Balaghah. *uslūb* yang difokuskan ialah *uslūb insyā’i*

Tesis Sarjana (2004) Mqjīdī Ma‘zūz Ahmad Husayn, Universiti al-Najah al-Watanī³, Palestin. Kajian difokuskan kepada *jumlah khabariyyah* dan *jumlah ‘insyā’iyyah* dalam surah al-Isrā’, beliau telah menganalisis *jumlah khabariyyah* dalam surah tersebut. Pembentukan *jumlah khabariyyah* juga telah diberi tumpuan, tetapi dalam kajian ini beliau tidak memfokuskan kepada aspek pengertian dan makna ayat.

¹ Abd. Halim Brahim (1997), *Jenis-jenis ayat penyata dari segi balaghah dalam bahasa Ara*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

² Siti Ikbāl Sheikh Salleh (1999), *Analisis Gaya Bahasa al-Insya' Dalam Surah al-Nūr*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

³ Mqjīdī Ma‘zūz Ahmad Husayn (2004), *Sūrah al-Isrā’: Dirāsah Dilāliyyah Naḥwiyyah*, Kuliyyah Dirāsāt al-‘Ulyā, Universiti al-Najah al-Watanī, Palestin

Tesis Sarjana (2009) Thaljah Syatāh, Universiti al-Haj lakhdar Batinah,¹ Algeria. Kajian tentang surah Yasin dan difokuskan kepada pembentukan *jumlah* dan tidak difokuskan kepada maksudnya.

Zulkifli bin Mohd Yusof² dalam tulisannya bertajuk “Kaedah Penghayatan Alam Melalui Surah Yasin” Beliau memfokuskan kepada persoalan penting dalam surah Yasin serta kaitannya dengan ketenangan dan kaedah bagaimana manusia boleh mendapatkan ketenangan melalui pembacaan dan renungan terhadap surah Yasin.³

Selain dari itu, penafsiran terhadap ayat-ayat al-Quran termasuk surah Yasin telah dilakukan oleh beberapa ahli Tasir. Antaranya kitab *al-Tafsīr al-Kabīr*⁴ telah membincang surah ini dalam beberapa aspek penting. Antaranya ialah hikmah penggunaan huruf-huruf pada permulaan surah. Buku tersebut telah menghuraikan pengertian huruf permulaan surah ini iaitu *yā'* dan *sīn*. Ia juga mengemukakan pelbagai cara bacaan perkataan tersebut mengikut *i'rāb* yang betul dan penafsiran mengikut *i'rab* tersebut.

Buku-buku Yasin yang dicetak dan dijual di pasaran, terdapat yang disertakan dengan doa tahlil, ma'thurat, zikir, doa-doa harian yang perlu diamalkan, tidak ketinggalan juga yang disertakan dengan doa-doa sebagai penghalau makhluk halus. Kebanyakan buku-buku tersebut disertakan dengan terjemahan surah Yasin. Terjemahan yang disertakan itu merupakan terjemahan pada zahir ayat dan tidak lebih dari itu, iaitu tidak disentuh mengenai maksud dan kehendak ayat sebenarnya.

¹ Thaljah Syatāh (2009), *Sūrah Yāsīn: Dirāsah Dilāliyah*, Kulliyah al-'Ādāb wa al-'Ulūm al-'Insāniyyah, Qism al-Lughah al-'Arabiyyah wa 'Adāb al-'Arabī, Universiti al-Haj lakhdar Batinah, Algeria

² Beliau adalah Profesor di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

³ Zulkifli Mohd Yusof, *Kaedah Penghayatan Alam Melalui Surah Yasin Mempertingkatkan ketenangan Manusia*, Al Bayān; Jurnal al-Qurān dan al-Hadīth, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, , Bil 4 April 2006, h 33

⁴ Al-Fakhr al-Rāzī (1993), *Al-Tafsīr al-Kabīr*, j 13 c3 Beirut: Dār 'Ihya' al-Turāth al-'Arabī, h 44

Sekiranya terjemahan itu dilakukan secara lebih mendalam, kemungkinan besar ia akan membantu masyarakat memahami surah yang menjadi amalan kepada setiap lapisan masyarakat Islam ini dengan lebih teliti.

Penafsiran surah Yasin yang dilakukan oleh ulama' silam seperti Kitab al-Asās Fī al-Tafsīr¹ banyak menghuraikan tentang kaitan ayat-ayat dalam surah Yasin dengan ayat-ayat yang sebelumnya. Pengajaran ayat-ayat dalam surah ini juga turut dikemukakan. Kitab ini tidak banyak menyentuh aspek bahasa. Kitab Safwah al-Tafāsīr² banyak membincang tentang pengertian ayat-ayat surah Yasin pada keseluruhannya. Selain itu kitab ini juga turut membincangkan tentang hubungan ayat-ayat sebelum dan ayat-ayat selepasnya dan *asbāb al-nuzūl* atau sebab penurunan ayat. Penggunaan perkataan-perkataan tertentu dalam surah ini juga turut diperkatakan. Ia mengupas tentang pengajaran dan intipati yang patut diketahui dan dihayati oleh pembaca. Selain itu kitab ini juga memberi perhatian khusus kepada perbincangan tentang aspek Balaghah yang merupakan persoalan penting bagi mendedahkan mukjizat kitab suci al-Quran.

Karya-karya yang disebut tadi merupakan buku tafsir dan tidak membincangkan secara khusus tentang aspek Balaghah atau *uslūb-uslūb khabarī*, Walau bagaimanapun penulis menganggap ianya penting dijadikan sebagai rujukan dan kajian lepas di samping kitab-kitab lain terutamanya kitab-kitab Balaghah yang secara khususnya membincangkan aspek kemukjizatan al-Quran melalui *uslūb* yang diturunkan.

¹ Sa'īd Ḥawā (1985), *al-Asās Fī al-Tafsīr*, j8 c1 Dār al-Salām Li al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī' wa al-Tarjamah, h. 4621

² Ibid

Kitab al-Tasīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj,¹ membicarakan pelbagai perbahasan tentang surah Yasin, antaranya ialah *i‘rāb*, pengertian ayat dan pengertian perkataan dan pengajaran. Aspek Balaghah turut diperbincangkan dalam kitab ini. Walau bagaimanapun kitab ini tidak membincangkan secara terperinci tentang *uslūb khabarī*

Uslūb khabarī merupakan satu tajuk yang telah dibincangkan dalam ilmu Balaghah. Ia merupakan suatu ilmu yang berfungsi sebagai penerang kepada pengertian-pengertian yang tersirat dalam percakapan yang hendak disampaikan kepada pendengar. Oleh itu, ilmu ini berkait rapat dengan mukjizat al-Quran. Dalam memahami percakapan berunsur balaghah, pendengar perlu mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri kehalusan, kesenian dan ketelitian dalam ungkapan. Ini membolehkannya memahami ayat-ayat al-Quran dengan lebih mendalam. Ia dibincangkan dalam kitab-kitab Balaghah, tetapi perbincangan adalah dalam bentuk pengenalan melalui contoh-contoh daripada kata-kata orang Arab, al-Quran dan juga al-hadith, tetapi tidak dibincangkan secara khusus kepada mana-mana surah dalam al-Quran

Dalam beberapa hasil bacaan berupa buku-buku dan beberapa tesis yang dijelaskan di atas, setakat ini penulis belum menjumpai mana-mana perbahasan secara khusus dan ditir serta difokuskan kepada mana-mana surah tentang *uslūb khabarī* termasuklah penggunaannya. Oleh itu penulis menganggap ianya perlu dikaji terutamanya tentang penggunaannya dalam surah Yasin yang merupakan surah yang amat penting dalam al-Quran.

¹ Wahbah Muṣṭafā al-Zuḥaylī (1991), *al-Tasīr al-Munīr Fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*, j 22 c2 Damsyiq: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h 302

1.10. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah cara atau kaedah untuk membuat sesuatu.¹ Kajian yang dilakukan ini merupakan kajian perpustakaan. Penulis telah menggunakan pelbagai metode dalam kajian ini, antaranya ialah, metode penentuan subjek, metode pengumpulan data dan metode analisis data.

a. Metode Penentuan Subjek.

Metode ini digunakan untuk menentukan subjek yang menjadi kajian iaitu *uslūb khabarī* dalam surah Yasin.

b. Metode Pengumpulan Data.

Data ialah bahan mentah untuk menghasilkan maklumat, boleh diertikan sebagai fakta, perkataan, surat, rajah dan sebagainya.² Bagi mengumpulkan data yang diperolehi daripada sumber maklumat yang telah disebutkan di atas tadi, penulis telah menggunakan beberapa metode seperti metode Dokumentasi, di mana dokumen-dokumen yang digunakan seperti al-Quran, al-Hadith, kertas kerja, jurnal dan sebagainya. Penulis telah mengkaji pelbagai buku berkaitan yang diperolehi. Metode Penyelidikan Perpustakaan juga telah digunakan dalam kajian ini, melalui beberapa buah perpustakaan yang terdapat di Kelantan, di Kuala Lumpur dan di beberapa buah negeri di Malaysia dan di Thailand turut dikunjungi untuk mendapatkan maklumat

¹ Noresah Baharom (2007) op cit, h 1030

² Mohd Majid Konting (2009), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka h. 259

berkaitan tajuk. Antara perpustakaan yang telah dilawati untuk mendapatkan rujukan seperti berikut:

- i. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur
- iii. Perpustakaan Az-Zahara' Kota Bharu, Kelantan
- iv. Perpustakaan Universiti Malaya
- v. Perpustakaan Prince of Songkla Universiti, Kampus Pattani, Selatan Thai
- vi. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- vii. Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu

Melalui metode perpustakaan ini, penulis telah mengumpulkan data daripada buku-buku dalam kedua-dua sumber iaitu sumber bahasa Arab dan bahasa Melayu, karangan ulama' dahulu mengenai penafsiran ayat-ayat al-Quran. Begitu juga mengenai tatabahasa Arab terutamanya berkenaan pembentukan *uslūb* atau ayat. Maklumat berkenaan ilmu Balaghah khususnya yang berkaitan dengan *uslūb khabarī*. Karangan dalam bahasa Arab diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Dokumentasi, tesis-tesis berkaitan tajuk dan begitu juga laman web tertentu telah dijadikan sebagai bahan rujukan.

c. Metode Analisis Data

Penganalisan data ialah memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah, ia melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadual.¹ Untuk menganalisis data yang diperolehi iaitu *uslūb khabarī* dalam surah Yasin, penulis telah menggunakan metode berikut:

i. Metode Induktif

Metode Induktif ialah satu cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.² Metode ini telah digunakan untuk menghurai beberapa konsep dalam penyelidikan ini seperti tentang pengertian *uslūb khabari*, *uslūb insyā'i*, *ḍorbon ibtida'i*, *ḍorbon ṭalabī*, *ḍorbon inkārī*, dan huraian terhadap beberapa konsep lain yang terdapat dalam kajian ini.

ii. Metode Deduktif

Metode Deduktif Adalah metode yang berlawanan dengan metode induktif, iaitu cara menganalisis data berlandaskan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan menggunakan dalil-dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.³ Metode ini telah digunakan oleh penulis untuk menganalisis ayat-ayat *khabarī* yang terdapat di dalam surah Yasin

¹ Ibid, h 309

² Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Jogjakarta, Yayasan FIP-IKIP, h 52-53

³ Ibid

iii. Metode Komparatif

Metode ini adalah kesimpulan tentang apa yang diselidiki dan perbandingan antara apa yang dikaji¹. Penulis telah menggunakan metode ini untuk membuat perbandingan antara *uslub khabarī* dan *uslub 'insyā'ī* supaya pembaca lihat lebih jelas perbezaan antara kedua-duanya. Penulis juga menggunakan metode ini dalam membuat kesimpulan terhadap apa yang dikaji

1.11. SISTEMATIKA PENULISAN

Sistem penulisan dalam sebuah kajian sangat penting, Dalam kajian ini penulis membahagikannya kepada lima bab:

BAB PERTAMA

Merupakan pengenalan dan difokuskan kepada pengenalan, Latarbelakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kepentingan kajian, pemilihan tajuk, kajian terdahulu, metodologi kajian dan susunan bab.

BAB KEDUA

Dalam bab ini penulis memfokuskan kepada beberapa perkara iaitu tentang kepentingan surah Yasin, intisari surah secara keseluruhan, pembacaan huruf permulaan surah, cara membaca dan *i'rāb* serta pengertiannya mengikut pandangan ulama' Tafsir dan pakar bahasa Arab

¹ Peter A. Angeles (1981), *A dictionary of Philosophy*. London, Harper and Low Publishers, h 55

BAB KETIGA

Dalam bab tiga pula difokuskan kepada ilmu Balaghah yang terdiri daripada ilmu al-Ma'anī, al-Badī', dan al-Bayān. Huraian ringkas untuk memperkenalkan ilmu-ilmu tersebut serta contoh dari ayat al-Quran dan kata-kata Arab dikemukakan untuk menjelaskan lagi konsep-konsep yang akan dikemukakan dalam surah Yasin nanti.

BAB KEEMPAT

Bab ini ditumpukan kepada perbincangan tajuk iaitu tentang *uslūb khabarī* dalam surah Yasin, dalam bab ini penulis mengemukakan analisis ayat-ayat berbentuk *uslūb khabarī* yang terdapat dalam surah Yasin, dalam bab ini juga dibincangkan tentang pengertian sebenar ayat-ayat yang berbentuk *uslūb khabarī* dan *huruf taukīd* yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut.

BAB KELIMA

Bab ini merupakan bab terakhir, dimana rumusan terhadap apa yang telah didapati dari hasil kajian dikemukakan. Cadangan-cadangan untuk meningkatkan kefahaman al-Quran melalui bahasa Arab kepada pihak-pihak tertentu dikemukakan dalam bab yang terakhir ini.